



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

FTROADPEDIA PASCA BANJIR PANTAU PEMULIHAN INFRA RAKYAT

KUALA LUMPUR : Program FTRoadpedia Kementerian Kerja Raya (KKR) kembali dengan pendekatan proaktif bagi meninjau dan memantau kerja-kerja pembaikan infra rakyat yang terjejas akibat bencana Monsun Timur Laut, yang berlaku pada Disember 2021.

KKR bertanggungjawab dalam menyenggara laluan Jalan Persekutuan, namun FTRoadpedia Pasca Banjir juga memberi tumpuan di lokasi pembaikan infrastruktur oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), agensi di bawah KKR yang turut melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan infrastruktur terjejas banjir di jalan negeri, jalan kampung dan cerun.

Menerusi FTRoadpedia Pasca Banjir, Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof meninjau sendiri empat (4) lokasi pembaikan infrastruktur awam yang terjejas akibat banjir di kawasan Hulu Langat, Selangor.

Lokasi pertama adalah pembaikan cerun di Jalan Bukit Peras – Kuala Klawang yang telah runtuh pada 18 Disember 2021 akibat hujan lebat. Terdapat 85 lokasi runtuhan di sepanjang laluan tersebut. Kerja-kerja pembersihan awalan melibatkan skop kerja membersihkan tanah runtuh dan membuka laluan untuk penduduk setempat telah bermula pada 18 Disember 2021 dan telah siap pada 15 Januari 2022 dengan peruntukan sebanyak RM693,820. Manakala bagi kerja-kerja pembersihan sepenuhnya di sepanjang laluan dengan anggaran peruntukan RM1.37 juta akan dilaksanakan selepas menerima peruntukan kelak.

Tinjauan diteruskan di lokasi kedua iaitu pemasangan Jambatan Bailey di Jalan Sungai Lui. Jambatan tersebut telah runtuh akibat hujan lebat pada 18 Disember 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR_MALAYSIA](https://www.facebook.com/KKR_MALAYSIA) 🐦 @MOWORKS 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

yang lalu. Kerja-kerja pemasangan Jambatan Bailey tersebut telah dilaksanakan pada 1 Januari 2022 dan siap dipasang pada 4 Januari 2022 dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kos terlibat adalah sebanyak RM397 ribu.

Lokasi ketiga adalah pembaikan *embankment* atau tambak jalan runtuh di KM3 Jalan Sungai Lui. Jalan ini juga runtuh pada 18 Disember 2021 akibat banjir. Kerja baikpulih telah dimulakan pada 20 Disember 2021 dan siap sepenuhnya pada 15 Februari 2022. Kos keseluruhan adalah RM1.9 juta.

Lokasi keempat melibatkan pembaikan jalan rosak akibat tebing sungai runtuh yang berpunca dari kejadian banjir pada 18 Disember 2021. Kerja-kerja pembaikan telah dimulakan pada 24 Disember 2021 dan siap pada 21 Februari 2022 dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.5 juta.

Secara keseluruhan Kementerian Kerja Raya (KKR) menganggarkan kos pembaikan sebanyak RM 1020.36 Juta di 1282 lokasi infrastruktur yang rosak akibat bencana banjir pada Disember 2021 lalu yang melibatkan Jalan Persekutuan, Jalan Negeri, jambatan dan cerun di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Anggaran kos bagi kerja-kerja pembaikan di Jalan Persekutuan adalah sebanyak RM 624.2 juta, manakala RM 396.2 juta pula bagi kerja-kerja pembaikan di Jalan Negeri.

Sebarang maklumat lanjut emel kepada : pro@kk.gov.my / corporatejkr@gmail.com

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

24 FEBRUARI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY **PRO@KKR.GOV.MY** **KEMENTERIAN KERJA RAYA** **KKR_MALAYSIA** **@MOWORKS** **KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL**

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur